

20 MAR 2001

Mahathir-Pas

MAHATHIR KATA PAS CUBA ELAK JUMPA UMNO

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno tidak menetapkan tempoh untuk mengadakan perbincangan dengan Pas mengenai perpaduan Melayu walaupun parti pembangkang itu pada dasarnya cuba mengelaknya dengan mengenakan pelbagai syarat.

Perdana Menteri berkata Umno berpendirian terbuka berhubung perkara itu kerana perbincangan itu penting untuk perpaduan.

"Saya tak suka nak kata, tetapi pada dasarnya, saya berpendapat ini akan dijadikan satu lagi alasan oleh Pas untuk mengelak daripada berjumpa dengan kita. Pada dasarnya, saya fikir Pas tidak mahu berjumpa kita untuk berbincang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar mengenai kewibawaan dalam perniagaan anjura Badan Pencegah Rasuah di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno diminta mengulas kelewatan dalam mengadakan perbincangan itu dan tuntutan Pas agar Umno memenuhi dahulu tiga syaratnya sebelum perbincangan itu dapat diadakan.

Pas bersetuju meneruskan pertemuan peringkat jawatankuasa teknikal antara kedua-dua parti pada 27 Mac ini tetapi mahu Umno memenuhi tiga syarat iaitu mengembalikan royalti minyak kepada Kerajaan Terengganu, membenarkan penerbitan dua kali seminggu akhbar rasmi parti itu, Harakah, dan menolak cadangan menggugurkan perkataan "Islam" daripada nama pertubuhan termasuk parti politik.

Dr Mahathir berkata satu daripada sebab kenapa Pas cuba mengelak perbincangan itu ialah tanggapan kononnya mereka mendapat sokongan kebanyakan pengundi Melayu.

"(Bagi Pas) langkah seterusnya ialah cuba mendapatkan sokongan pengundi Cina. Untuk dapatkan undi Cina, Pas cuba gambarkan Umno sebagai anti-Cina...itulah sebabnya Pas mahu berbincang mengenai perpaduan nasional dan kita mahu berbincang mengenai perpaduan Melayu," katanya.

Pas mahu membincangkan soal perpaduan nasional untuk menunjukkan kononnya ia mengambil berat tentang kaum lain, kata Perdana Menteri.

"Malahan mereka sebut dalam Internet bahawa jika Umno mahu bunuh Cina, mereka akan pertahankan Cina. Bila pula Umno bercakap untuk bunuh Cina.

"Tetapi mereka beri gambaran dalam Internet dan Harakah seolah-olah kita mahu bunuh Cina...sekarang mereka sudah padamkannya daripada Internet tetapi kita telah buat salinannya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata bahawa berbanding Pas, Umno telah lama bekerjasama dengan orang Cina sehingga ia (Umno) dianggap sebagai "kafir".

Namun demikian, Umno masih sanggup untuk menunggu selama manapun untuk berbincang dengan Pas, kata Dr Mahathir.

"Dalam kes-kes tertentu kita lupakan parti kita, utama kepentingan bersama, kepentingan Melayu, pertahankan apa yang terkandung dalam perlembagaan," katanya.

Beliau berkata empat perkara yang terkandung dalam perlembagaan dan mahu diperbincangkan oleh Umno itu merupakan tanggungjawab semua orang Melayu dan tidak terhad kepada Pas, Umno atau Parti Keadilan Nasional sahaja.

Katanya, pertemuan itu boleh diadakan di mana-mana dan tidak akan mengambil masa panjang.

"Semalam saya jumpa Datuk Fadzil Noor (Presiden PAS) di Parlimen, saya ajak bincang tapi dia tak nak. Lima minit cukup, tak dia tak nak," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga diminta mengulas mengenai kenyataan Fadzil di akhbar hari ini bahawa hubungan Pas-Umno yang "kian pulih" sejak jawatankuasa teknikal itu bertemu, akan terjejas sekiranya Umno membenarkan Majlis Fatwa Kebangsaan meneruskan usaha menggugurkan perkataan Islam pada pertubuhan politik.

"Itu sudah dijangkakan (kerana) mereka adalah pembangkang. Tetapi fikirlah, dalam masyarakat Islam hari ini, orang terkeliru. Pas mendakwa Pas adalah Islam, Islam adalah Pas...(ini) bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana mereka (Pas) gunakan perkataan Islam, orang menganggap ia betul.

"Jika saya mengundi Pas, saya masuk syurga. Itulah dakwaan mereka. Kenapa? Kerana mereka ada perkataan Islam dalam parti mereka. Orang kini keliru mengenai apa itu agama Islam," katanya.

Kenyataan Fadzil itu dibuat berikutan laporan bahawa majlis itu telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Raja-raja mengenai penggunaan perkataan "Islam" oleh parti-parti politik dan pertubuhan lain di negara ini.

-- BERNAMA

AR AZZ MAI